

# "Tiada peguam setaraf QC"

UM - 2/6/2022 m/s: 10

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memohon agar diwakili Queen's Counsel (QC) kerana tiada peguam bela atau peguam cara di negara ini yang mempunyai kepakaran seperti peguam kanan dari United Kingdom (UK).

Peguam bela Ahli Parlimen Pekan itu, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam affidavit yang menyokong permohonan tersebut memberitahu, QC yang dimaksudkan, Jonathan Laidlaw telah terlibat bukan sahaja dalam kes jenayah dan sivil malah turut terlibat siasatan beberapa kes besar melibatkan individu-individu berprofil tinggi di luar negara.

Antara kes kendalian Laidlaw ialah kes pembunuhan etnik membabitkan Radovan Karadzic, kes pengaturan perlawanan kriket dan kes isteri bekas Presiden Liberia, Dr. Agnes Taylor yang didakwa atas pertuduhan melakukan penyeksaan terhadap tahanan perang.

Laidlaw juga terlibat penyiasatan kes ternama seperti salah laku ejen risikan British yang dikenali sebagai Steakknife yang dikatakan ejen talam dua muka dan mewakili beberapa pelanggan seperti Bank Of England, syarikat francais antarabangsa, Pret a Manger Kelab Bola Sepak Chelsea yang disiasat oleh Jabatan Kehakiman Amerika

“

**Saya juga percaya tiada peguam bela dan peguam cara di negara ini yang mempunyai pencapaian, pengalaman dan kepakaran yang setanding dengan Laidlaw.”**

**MUHAMMAD SHAFEE  
ABDULLAH**

Syarikat (DoJ) dan Suruhanjaya Tindakan Kewangan, UK atas salah laku kewangan.

Beliau juga mewakili pemain tenis terkemuka, Boris Becker yang didakwa

atas tuduhan membabitkan insolvensi dan penyelewengan.

Laidlaw disenaraikan dalam senarai 500 orang paling berpengaruh di Britain oleh akhbar *Sunday Times/Debretts*.

“Beliau (Laidlaw) juga terlibat dalam kes yang disifatkan sebagai penyelewengan terbesar di UK membabitkan Allseas Group (syarikat pembinaan dan perpaipan laut) yang didakwa atas tuduhan penyelewengan membabitkan 100 juta pound.

“Saya percaya pencapaian Laidlaw adalah sesuatu yang luar biasa dan melebihi pencapaian peguam bela dan peguam cara di Malaysia. Saya juga percaya tiada

peguam bela dan peguam cara di negara

ini yang mempunyai

pencapaian, penga-

laman dan kepakaran

yang setanding Laidlaw,” kata Muhammad Shafee.

Jelasnya, Laidlaw mempunyai kepa-

karan khas dalam pelbagai kes di UK dan luar negara.

Laidlaw juga terlibat dalam 109 kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan *House of Lords* (kini Mahkamah Agung) dan mempunyai kelayakan dalam pelbagai bidang kes rasuah di UK.

“Sebagai contoh, beliau mewakili dua ahli dari Dewan Rakyat (*House of Commons*) dan Dewan Negara (*House of Lords*) yang teribat skandal ‘wang untuk penghormatan’ (*cash for honours*) melibatkan pemberian pinjaman kepada parti politik dan pemberian gelaran seumur hidup.

“Beliau juga terlibat mendakwa Timbalan Pendakwa Raya di UK yang memprejudiskan kes dengan berpihak kepada penjenayah dan terlibat pendakwaan kes salah laku dan korupsi dalam Polis Metropolitan,” katanya.

Kelmarin, Laidlaw melalui notis usul yang difailkan oleh firma guaman, Tetuan Shafee & Co. memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini agar beliau diterima masuk sebagai peguam bela Najib dalam rayuan akhir bekas Presiden UMNO itu membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd. (SRC International).

SRC International merupakan anak syarikat pelaburan strategik negara, Malaysia Development Berhad (1MDB).



**NAJIB RAZAK**